

## **ULASAN BUKU: “ENGKAULAH ADIWIRAKU: BAGAIMANA KANAK-KANAK BOLEH MELAWAN COVID-19!”**

***Book Review: “My Hero is You: How Kids Can Fight COVID-19!”***

Anida Sarudin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
Tanjong Malim, Perak, Malaysia

[anida@fbk.upsi.edu.my](mailto:anida@fbk.upsi.edu.my)<sup>1</sup>

*Received:* 04 Mei 2020; *Accepted:* 26 Jun 2020; *Published:* 30 Jun 2020

**To cite this article (APA):** Sarudin, A. (2020). Ulasan buku: “Engkaulah adiwiraku: Bagaimana kanak-kanak boleh melawan COVID-19!”. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 48-57. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.5.2020>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.5.2020>

### **ABSTRAK**

Buku ini merupakan bahan bacaan untuk kanak-kanak berumur 6 hingga 11 tahun yang berkaitan bagaimana kanak-kanak boleh menjadi seorang adiwira dalam memahami serta menangani wabak pandemik *Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)*. Watak utama ialah seorang kanak-kanak perempuan bernama Sara bersama ibunya yang merupakan seorang saintis yang berperanan untuk menangani COVID-19. Buku ini menyerlahkan konteks situasi kanak-kanak yang berimaginasi untuk melaksanakan sesuatu menurut tafsiran dan pengalamannya. Dalam mimpinya, Sara bertemu dengan seekor naga, iaitu Ario yang membawanya terbang merentasi sempadan negara untuk menyelami perasaan kanak-kanak lain dalam memahami dan menghadapi COVID-19. Dalam pengembaraan ini, Sara dan Ario saling berkongsi nasihat serta pengalaman dengan beberapa orang kanak-kanak lagi, iaitu Salem, Sasha, Leila dan Kim dalam usaha menghadapi COVID-19. Buku ini turut mempersembahkan ekspresi linguistik yang signifikan dengan topik serta ilustrasi lakaran watak yang menarik, di samping menunjukkan langkah-langkah untuk menangani COVID-19. Visual ilustrasi yang ditunjukkan dapat menyerlahkan ‘*pragmatic on the page*’ dan seni bina halaman yang menarik bagi memberi tarikan dalam bahan bacaan kanak-kanak. Secara keseluruhan, buku ini dapat menyerlahkan nilai keharmonian masyarakat, nilai kasih sayang dalam keluarga, dan menonjolkan sifat adiwira setiap watak yang terdapat dalam buku ini. Buku ini diharap dapat menjadi medium pengetahuan secara bahan bacaan ringan untuk keluarga dalam mendidik anak-anak memahami dan menangani COVID-19.

**Kata kunci:** adiwira, COVID-19, ilustrasi, *pragmatic on the page*, seni bina halaman

### **ABSTRACT**

*This book is a reading material for children aged 6 to 11 years old about how children can be super heroes in understanding and overcoming the Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) pandemic. The main character is a girl, Sara, who interacts with her mother, a scientist to overcome COVID-19. This book has also highlighted the context of children's situation about her imagination in taking actions based on her interpretations and experiences. In her dream, she met a dragon, Ario that flew her across countries to dive into other children's feelings in understanding and facing the COVID-19. In the adventure, Sara and Ario shared each other's advices and experiences with some other children, Salem, Sasha, Leila and Kim, in their efforts to overcome the COVID-19. This book has also presented linguistics expressions significant to the topic and interesting illustrations of characters sketches by showing the correct way to avoid the COVID-19. Visual illustrations included have highlighted pragmatic on the page and interesting page architecture for attractions in children's*

*reading materials. Overall, this book is able to highlight the harmonious values of the community, the values of love in a family, and apart from the supernatural powers of each character in the book. This book is hoped to be the medium of knowledge as light reading material for families in educating their children to understand and overcome the COVID-19.*

**Keywords:** *superheroes, COVID-19, illustrations, pragmatic on the page, page achitecture*

## **PENGENALAN**


*Coronavirus Disease 2019 (COVID-19)* yang mula merebak di China pada Disember 2019 telah menjadi pandemik global dengan cepat seperti yang dinyatakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Thirumalaisamy dan Meyer, 2020). Dalam usaha mengawal penularan wabak ini, satu bentuk projek kemanusiaan telah berjaya menerbitkan buku cerita, khusus untuk kanak-kanak yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang bertajuk “*My Hero is You: How Kids Can Fight COVID-19!*”. Buku ini diterbitkan oleh *Inter-Agency Standing Committee (IASC)* pada 31 Mac 2020 bagi membantu anak-anak dalam lingkungan umur enam hingga 11 tahun mengawal emosi dalam menghadapi pandemik COVID-19. IASC MHPSS RG mengesahkan bahawa Helen Patuck sebagai penulis skrip dan pelukis ilustrasi buku ini.

Projek kemanusiaan ini telah melibatkan sejumlah responden yang besar, iaitu melibatkan lebih daripada 1,700 orang kanak-kanak, ibu bapa, penjaga dan guru di seluruh dunia yang menyumbang pengalaman dan pandangan masing-masing dalam menghadapi risiko COVID-19. Buku ini telah diadaptasikan sebagai sebuah buku cerita kanak-kanak yang sangat prihatin dan bermotifkan ‘mengharmonikan masyarakat’ dalam menghadapi pandemik COVID 19.

Selain itu, buku ini bersifat universal dengan judul yang menarik, iaitu “*My Hero is You: How Kids Can Fight Covid 19!*” dan telah diterjemahkan dalam beberapa versi bahasa di peringkat antarabangsa. Sasaran buku ini bukan sahaja telah menarik golongan kanak-kanak, malah golongan dewasa dengan menyelitkan pengetahuan berkaitan ilmu kesihatan dan sentuhan kasih sayang dalam sesebuah keluarga dan kehidupan bermasyarakat. Buku ini merupakan satu usaha yang relevan dan efektif dalam misi penyebaran pengetahuan dan maklumat berkaitan pencegahan COVID-19.

Penerbitan buku ini melibatkan proses penterjemahan dalam beberapa versi bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Arab, Inggeris, Itali, Perancis Sepanyol dan beberapa bahasa lain bagi meluaskan sebaran idea dan maklumat berkaitan pencegahan COVID-19. Buku ini telah diterjemahkan dalam versi Bahasa Melayu oleh Dr. Feisul Idzwan Mustapha, dari Kementerian Kesihatan Malaysia, dan disahkan oleh pakar bidang, iaitu Prof. Madya Dr. Asmiaty Amat dari Universiti Malaysia Sabah dan Puan Liza Haslan Tan dari *World Health Organization Country Office Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore*.

Buku ini telah diterjemah tajuknya sebagai “Engkaulah Adiwiraku: Bagaimana Kanak-kanak Boleh Melawan Covid-19!” Perkataan ‘Adiwira’ digunakan bagi melambangkan ‘pahlawan yang berani, mulia dan memiliki kuasa istimewa’. Terjemahan ini diterbitkan di bawah terma dan syarat *Creative Commons Attribution License*, yang membenarkan penggunaan dan pengedaran untuk tujuan bukan komersial dengan syarat kerja asal terjemahan ini dinyatakan dengan tepat. Rajah 1 menunjukkan muka depan buku tersebut;



Rajah 1. Muka Depan Buku “Engkaulah Adiwiraku: Bagaimana Kanak-kanak Boleh Melawan COVID-19!”

## KANDUNGAN BUKU

Buku ini mengisahkan seorang kanak-kanak, iaitu Sara bersama ibunya dan watak-watak sampingan lain seperti Ario (seekor naga), Salem, Sasha, Kim dan Leila yang membawa misi pengembaraan kemanusiaan dalam menghadapi pencegahan COVID-19 dengan cara dan situasi masing-masing. Buku ini mengetengahkan sifat kanak-kanak yang suka bertanya dan mencungkil jawapan yang ada dalam diri mereka melalui imiganas. Ini kerana kanak-kanak sentiasa menggunakan kognitif mereka di luar konteks dan masih belum memiliki pengetahuan yang mendalam tentang ilmu yang dipelajari. Namun, jiwa mereka sentiasa menginginkan jawapan yang diyakini bagi setiap pertanyaan yang diajukan kepada seseorang. Buku ini telah menyedarkan ibu bapa bahawa mereka perlu memandang berat akan pertanyaan anak-anak dan memberi maklum balas yang sebaiknya kepada mereka.

Dalam perspektif visual, persembahan konteks dan ilustrasi teks buku ini telah menonjolkan sentuhan jiwa kepada pembaca kerana dilakarkan sesuai dengan minat dan latar belakang kanak-kanak. Kanak-kanak dapat menghayati ilustrasi yang disampaikan dalam buku ini seolah-olah mereka berada dalam situasi yang digambarkan. Menurut Ronfard *et al.* (2017), kemampuan kanak-kanak untuk bertanya kepada orang lain adalah sangat luar biasa kerana proses ini membuktikan koordinasi mereka mencapai kapasiti kognitif yang kompleks. Jika pertanyaan ini tidak dapat dinyatakan menerusi ibu bapa mereka, kanak-kanak akan belajar daripada persekitaran dan pengalaman mereka. Keupayaan kanak-kanak untuk terlibat dalam pemerolehan langsung, dan kemampuan mereka untuk belajar secara tidak langsung daripada orang lain dan pengalaman mereka membolehkan mereka memperoleh banyak maklumat mengenai persekitaran luar dengan cepat. Melalui pemerhatian dan eksperimen, kanak-kanak membina pemahaman mengenai dunia fizikal, biologi, dan sosial. Kanak-kanak juga mengesan corak dan keteraturan, membuat kesimpulan berdasarkan corak tersebut, dan menguji serta menyemak semula hipotesis apabila mereka dapat mengumpulkan bukti-bukti yang relevan (Gopnik & Wellman, 2012). Oleh itu, buku ini telah mempamerkan konteks dan ilustrasi teks yang baik yang sesuai dengan penghayatan alam sadar kanak-kanak.

Dalam konteks perwatakan, buku ini menggambarkan watak Sara, iaitu seorang kanak-kanak perempuan yang mempunyai ibu berkerja sebagai seorang saintis yang berjuang merawat pesakit yang menghidapi COVID-19. Sara telah mengajukan pertanyaan kepada ibunya berkaitan “*Apakah rupa kuman COVID-19?*” Pertanyaan ini bersifat abstrak dan sukar dijelaskan oleh ibunya kerana umur Sara yang masih muda. Namun begitu, ibu Sara yang merupakan adiwira telah berusaha untuk menjawab pertanyaan Sara dengan sebaiknya. Ibu Sara menjelaskan;

*“COVID-19 atau Coronavirus, adalah kuman halus yang tidak dapat dilihat. Namun, ia merebak apabila orang yang sakit batuk dan bersin lalu mereka menyentuh orang lain atau barang-barang di sekeliling mereka. Orang yang sakit mengalami demam dan batuk, dan kadang-kala sukar bernafas.”* (m/s. 8)

Maklum balas ini telah memberi satu kesimpulan kepada Sara bahawa manusia tidak dapat memerangi wabak ini. Ini merupakan sifat semula jadi kanak-kanak yang sering menyimpulkan perkara yang dialaminya dengan cara mereka sendiri. Namun begitu, buku ini telah memberi penyelesaian daripada permasalahan ini apabila ibu Sara bertindak sebagai adiwira dengan memberi maklum balas yang dapat memperkukuhkan pertanyaan Sara, iaitu

*“Kita boleh melawannya. Itulah sebabnya ibu mahu Sara selamat. Virus ini boleh menjangkiti ramai orang, dan semua orang boleh membantu kita melawannya. Kanak-kanak adalah istimewa dan mereka juga boleh membantu. Sara perlu menjaga keselamatan diri untuk kita semua. Ibu mahu Sara menjadi adiwira Ibu.”* (m/s. 8)

Pada pandangan penulis, buku ini memberi satu sentuhan kasih sayang dengan memberi harapan kepada kanak-kanak bahawa ibu tetap menganggap kanak-kanak sebagai seorang adiwira yang dapat membantu mencegah COVID-19. Konteks pragmatik ini telah menjadikan karya buku “*Engkaulah Adiwiraku: Bagaimana Kanak-kanak Boleh Melawan COVID-19!*” memiliki ciri-ciri kemanusiaan seperti kasih sayang, dan memupuk nilai keharmonian dalam keluarga dan masyarakat. Buku cerita ini telah menyerlahkan sifat semula jadi kanak-kanak yang memiliki konflik perasaan antara harapan ibu yang mengharapkan Sara sebagai seorang adiwira dengan pandangannya sendiri sebagai seorang adiwira. Bagi Sara, adiwira ialah kanak-kanak yang bersekolah, berjumpa guru serta rakan-rakan, dan bukannya hanya berada di dalam rumah. Dalam menjelaskan tafsirannya sebagai adiwira, Sara menggambarkan bahawa dia akan menjadi seorang adiwira sekiranya dia boleh terbang dan memberitahu kepada semua orang berkaitan langkah-langkah pencegahan COVID-19. Sara telah bermimpi dan bertindak menerusi imaginasi mimpinya.

Dalam imaginasi mimpinya, Sara melalui pengalaman bertemu dengan Ario (seekor naga) yang membawanya terbang menerusi misi pengembaraan kemanusiaan pencegahan COVID-19. Buku ini dapat mendedahkan situasi kanak-kanak dalam menghadapi COVID-19 menerusi cara mereka sendiri. Perkara ini telah membuktikan kanak-kanak mudah belajar daripada arahan langsung dan cepat menginternalisasi, menyebarkan, dan memperkuat kepercayaan dan amalan budaya mereka (Clegg & Legare, 2016; Kenward, 2012; Paradise & Rogoff, 2009). Melalui pandangan orang lain, kanak-kanak dapat belajar tentang idea dan entiti yang tidak dapat ditemui oleh mereka (Harris & Koenig, 2006). Menurut Baldwin dan Moses (1996), antara mekanisme pembelajaran yang paling dominan bagi kanak-kanak ialah

keupayaan mereka untuk mengumpulkan maklumat secara aktif daripada orang lain, dan mengintegrasikannya dengan perkara yang mereka pelajari melalui pemerhatian dan pemerhatian.

Pengembaraan misi kemanusiaan dunia diteruskan oleh Sara apabila Ario membawa Sara terbang ke negara padang pasir dan bertemu dengan Salem yang sedang bermain bersama rakan-rakannya. Dalam pertemuan itu, Salem telah berinteraksi dengan Ario yang menyerlahkan sifat semula jadi kanak-kanak yang gemar berinteraksi dengan haiwan. Interaksi tersebut telah menerangkan cara menangani COVID-19, iaitu dengan membasuh tangan menerusi sabun dan air, batuk dengan siku yang dibengkokkan ke mulut, dan hanya melambai tangan kepada orang lain. Pendedahan kaedah menangani COVID-19 ini telah disisipkan secara tidak langsung dalam perbualan kanak-kanak bersama haiwan tersebut.

Pengembaraan ini diteruskan lagi oleh Sara bersama Salem dengan penjarakan sosial di antara mereka, iaitu 1 meter dan mereka duduk berasingan di atas sayap Ario. Misi pengembaraan kemanusiaan mereka disampaikan menerusi jeritan dan nyanyian kepada semua kanak-kanak yang berada di luar rumah agar mereka terus berada di dalam rumah masing-masing. Salem, Sara dan Ario berbual mengenai tindakan oleh negara-negara di dunia yang telah menutup sempadan bagi memberhentikan sebarang pengembaraan ke luar negara menerusi kapal terbang. Situasi ini telah menyebabkan Sara berasa bimbang untuk meneruskan pengembaraan mereka bersama Ario memandangkan mereka telah mengembara merentasi sempadan negara.

Walau bagaimanapun, perasaan bimbang mereka ditangani apabila Ario memberi cadangan kepada Sara dan Salem untuk memikirkan sesuatu yang menenangkan apabila mereka berasa bimbang dan terkesan akibat wabak pandemik COVID-19. Sara dan Salem telah menenangkan diri mereka dengan membayangkan keluarga yang sering berada bersama mereka. Salem menyatakan orang yang disayangi ialah datuk dan nenek di kampungnya dan sering bertanya khabar kepada mereka, walaupun tidak dapat berjumpa dengan mereka semasa COVID-19. Ini telah memberi satu kesan konteks sosial yang baik apabila kanak-kanak telah didedahkan dengan bahan-bahan yang memberikan kefahaman mereka tentang tindakan mereka menjaga keharmonian dan menghargai keluarga mereka sendiri.

Perjalanan Sara, Salem dan Ario diteruskan dengan mendarat ke bumi dan berjumpa dengan kanak-kanak perempuan yang bernama Sasha. Sasha merupakan salah seorang penyebar virus COVID-19 yang dijangkiti daripada bapanya. Walau bagaimanapun, kehidupan keluarga Sasha masih terkawal dengan mengasingkan bapa mereka di tempat tidur yang berbeza. Namun begitu, Sasha dan adik-beradiknya sering bermain, belajar dan bergurau bersama. Masa yang terluang dimanfaatkan bersama walaupun pada asalnya mereka agak kekok menghadapi situasi apabila tidak bersekolah. Buku ini memberikan pengetahuan bermakna berkaitan motivasi sesebuah keluarga yang saling menyokong dan membantu apabila terdapat ahli keluarga yang mengalami COVID-19. Buku ini juga telah memberikan motivasi dalam kalangan ahli keluarga untuk saling menasihati, bermaaf-maafan, bersabar dan melakukan aktiviti bersendirian bagi mengelakkan pergaduhan.

Misi mereka diteruskan dengan perjalanan ke sebuah pulau yang mempunyai beberapa khemah bagi penempatan orang ramai. Mereka berjumpa dengan seorang kanak-kanak perempuan bernama Leila. Mereka berbual dengan Leila dan bertanyakan bagaimana Leila menjaga diri selama menghadapi COVID-19. Leila menyatakan dia membuat

penjarakan sosial sepanjang 1 meter apabila berinteraksi dengan orang ramai. Salem pula berkongsi cara batuk yang selamat dengan membengkokkan siku ke mulut untuk mencegah penularan virus COVID-19. Misi mereka diteruskan menerusi pertanyaan Leila berkaitan potensi kesembuhan orang yang menghadapi wabak COVID-19. Pada kali ini, pengembaraan Sara, Salem dan Ario turut disertai oleh Leila.

Seterusnya, mereka berjumpa dengan Kim, iaitu seorang kanak-kanak lelaki yang menghidap COVID-19 dan telah sembuh. Kim menjelaskan dia mengalami batuk dan badan yang panas serta tidak mahu bermain. Kim merehatkan diri dengan tidur, dan keluarganya telah membawa Kim ke hospital. Pengorbanan keluarga Kim yang menjaganya telah menyebabkan mereka untuk terlibat sama dalam proses pemantauan pencegahan oleh pihak hospital sehingga Kim disahkan sembuh daripada COVID-19. Dalam pertemuan itu, mereka juga berjumpa dengan rakan Kim yang tetap menghubungi Kim walaupun terpaksa berjauhan antara satu sama lain akibat daripada COVID-19 yang dihadapi oleh Kim. Berdasarkan konteks ini, buku ini telah menyerlahkan nilai persahabatan dan sokongan motivasi dalam masyarakat bagi mencegah COVID-19.

Perjalanan mereka berakhir apabila Ario membawa Leila dan Salem ke tempat masing-masing dan berhasrat untuk bertemu kembali apabila COVID-19 beransur pulih. Ario telah membawa Sara pulang ke rumah, dan Sara menyatakan Ario ialah adiwiranya. Ario juga menyatakan Sara adalah seorang adiwira apabila Sara bertindak untuk berada di tempat yang selamat.

Apabila telah sedar daripada tidurnya, Sara menggambarkan perjalanan dalam mimpinya menerusi lukisan yang dilakarnya. Sara telah menyatakan kepada ibunya bahawa setiap orang di dalam pengembaraan mimpinya merupakan seorang adiwira. Broadhurst *et al.* (2015) menjelaskan seni merupakan tanda perkembangan kognitif dan pemaparan perspektif kritis kanak-kanak dalam menggambarkan pengalaman yang mereka lalui. Hal ini disokong oleh Taisin (2018) bahawa aktiviti melukis dapat meningkatkan keyakinan diri serta dapat memberi peluang kepada kanak-kanak merealisasikan imaginasi mereka dalam pelbagai cara. Ini menunjukkan kanak-kanak sering menyerlahkan idea dan pemikiran mereka berdasarkan lukisan mereka. Seterusnya, ibu Sara memberi maklum balas kepada Sara bahawa semua yang dimaklumkan oleh Sara adalah benar dan menegaskan bahawa para doktor dan jururawat juga merupakan adiwira yang telah membantu menjaga kesihatan masyarakat. Ibu Sara juga telah meyakinkan Sara bahawa dia ialah seorang adiwira baginya.

Keseluruhannya, buku ini menonjolkan pelbagai konteks motivasi berkaitan pencegahan menghadapi COVID-19 kepada kanak-kanak. Selain itu, buku ini memberikan impak sosial menerusi usaha mengharmonikan institusi keluarga dan hubungan dalam masyarakat. Pertanyaan kanak-kanak yang ditonjolkan dalam pelbagai situasi pengembaraan menunjukkan secara realiti sifat kanak-kanak. Menurut Levine *et al.* (2011), kajian psikologi menunjukkan kanak-kanak sering terdedah kepada pertanyaan yang mengelirukan. Namun begitu, jawapan yang mereka perolehi adalah tepat menerusi pengalaman mereka sendiri. Menurut Bahrick *et al.* (1998), Vandermaas *et al.* (1993), dan Peterson dan Bell (1996), kanak-kanak sering menerangkan peristiwa masa lalu dengan cara yang sangat tepat dan terperinci. Oleh itu, buku ini berjaya memberikan pengetahuan yang bermakna kepada kanak-kanak dalam menghadapi COVID-19, di samping menonjolkan elemen psikologi menerusi interaksi kanak-kanak.

## PERSEMBAHAN BUKU

Ciri-ciri visual dalam buku ini dapat dianggap sebagai “*pragmatic on the page*” kerana ilustrasinya menyokong konteks bahasa. Menurut Leinonen *et al.* (2000), kemampuan pragmatik dapat ditunjukkan apabila seorang kanak-kanak mampu menggunakan konteks dalam pemahaman mereka menerusi ilustrasi dan ekspresi bahasa, dan menggunakan peranan deria motorik seperti persepsi auditif dan visual. Dalam bidang pragmatik, keupayaan untuk mengendalikan dan menyimpan maklumat merupakan elemen yang sangat penting dalam pengembangan pengetahuan kanak-kanak. Oleh itu, ingatan merupakan salah satu faktor yang membantu menyokong kepada perkembangan ujaran kanak-kanak. Buku ini berupaya mewujudkan memori jangka panjang kepada kanak-kanak dalam merakam dan menyimpan pengetahuan dan pengalaman baharu berkaitan pencegahan COVID-19.


Buku ini juga telah menunjukkan lakaran watak dan penggunaan warna yang menarik yang secara tidak langsung mewujudkan seni bina halaman yang menarik. Mak (2011) menyatakan elemen visual, warna dan teks dapat menunjukkan seni bina halaman dalam teks itu sendiri. Watak-watak dan persekitaran dalam ilustrasi buku ini amat menarik dan sesuai untuk kanak-kanak. Watak ibu Sara sebagai seorang saintis dilakarkan dan dapat dihayati dalam konteks pragmatik apabila visual ibu Sara yang memakai pakaian seorang saintis. Selain itu, visual ibu memeluk Sara telah menonjolkan elemen kasih sayang dan sokongan motivasi kepada kanak-kanak dalam menghadapi COVID-19. Rajah 2 menunjukkan lakaran ilustrasi ibu Sara;



*Rajah 2. Lakaran Ilustrasi Ibu Sara*

Selain itu, watak Ario telah dilambangkan sebagai seekor naga yang boleh terbang dan berkata-kata berupaya menonjolkan imaginasi Sara. Watak Ario dianggap sebagai elemen intertekstualiti yang menjadi penghubung yang koheren dalam perspektif visual. Menurut Leblond (2019), imej adalah sangat penting dalam perlembagaan sesebuah teks dan bertindak sebagai naratif motif yang menyokong ekspresi bahasa dalam sesebuah teks. Kekangan dalam nilai motif ini perlu diselarikan dengan teks atau entiti linguistik supaya ianya selari dengan mesej buku cerita yang disampaikan. Rajah 3 menunjukkan lakaran ilustrasi Ario;





Rajah 3. Lakaran Ilustrasi Ario

Dari sudut persembahan linguistik, penggunaan leksikal dalam bahan bacaan ini berfokus dan bersifat representatif dalam isu COVID-19. Menurut Muhammad Fadzlah et al. (2020; Sarudin *et al.*, 2019), sesuatu leksikal yang bersifat representatif penggunaan leksikal menjadikan makna teks lebih koheren dan bersifat signifikan. Oleh itu, kandungan buku ini mudah difami selari dengan mesejnya sekaligus menjadikan buku ini memiliki nilai kebolehbacaan.


### **KELEBIHAN BUKU**

Kelebihan utama buku ini ialah ianya amat bermanfaat dan berupaya memberi pengetahuan berkaitan pencegahan COVID-19. Antara rumusan nasihat berkaitan pencegahan COVID-19 ialah; (i) COVID-19 merebak menerusi sentuhan, batuk dan bersin, dan orang yang mengalaminya akan mengalami sesak nafas; (ii) membasuh tangan dengan sabun dan air; (iii) membuat penjarakan sosial sepanjang 1 meter apabila berinteraksi dengan orang lain; (iv) batuk dengan membengkokkan siku ke muka; (v) menjaga hubungan keluarga semasa COVID-19; (vi) penjagaan dan pemantauan bagi individu yang menghadapi COVID-19; (vii) kerjasama daripada pihak hospital dalam membantu mangsa COVID-19; (viii) menjaga hubungan dengan rakan yang terkena jangkitan COVID-19; (ix) berada di dalam rumah



masing-masing serta menghargai keluarga dan masyarakat di sekeliling; (x) sering bertanya khabar kepada keluarga; (xi) memiliki sifat pemaaf, sabar, dan bersifat kasih sayang semasa menghadapi COVID-19; (xii) tidak berjabat tangan, tetapi melambaikan tangan sebagai tanda penghargaan dan prihatin; (xiii) tidak mengembara ke negara merentasi sempadan; (xiv) tidak berasa bimbang dengan COVID-19; dan (xiv) mematuhi prosedur pencegahan COVID-19.

Selain itu, buku ini mendedahkan secara visual usaha mencegah COVID-19, iaitu dengan melakukan kaedah yang sepatutnya apabila mengalami batuk bagi mengelakkan penularan COVID-19 seperti yang dijelaskan oleh kanak-kanak yang bernama Salem seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4 berikut;



Rajah 4. Lakaran Ilustrasi Cara Batuk bagi Mengelakkan Penularan COVID-19

## KESIMPULAN

Buku ini merupakan sebuah buku yang baik untuk menjadi bahan bacaan berpengetahuan kepada kanak-kanak dalam menghadapi pandemik COVID-19. Projek penerbitan buku ini mendapat sokongan pelbagai pakar di peringkat global, rantau dan negara dari agensi-agensi yang menjadi rakan *Inter-Agency Standing Committee Reference Group on Mental Health and Psychosocial Support in Emergency Settings* (IASC MHPSS RG) dan juga ibu bapa, penjaga, guru dan kanak-kanak dari 104 buah negara. Persembahan buku yang menarik dan kandungan buku yang bermanfaat dapat menyerlahkan kekuatan buku ini sebagai bahan bacaan ringan untuk kanak-kanak yang internal dan bermaklumat.

## RUJUKAN

- Bahrack, L., Parker, J. F., Fivush, R., & Levitt, M. (1998). Children's memory for Hurricane Andrew. *Journal of Experimental Psychology: Applied*, 4, 308-331.
- Broadhurst, K., Alrouh, B., Yeend, E., Harwin, J., Shaw, M., Pilling, M., Mason, C., & Kershaw, S. (2015). Connecting events in time to identify a hidden population: Birth mothers and their children in recurrent care proceedings in England. *The British Journal of Social Work*, 45(8), 2241–2260. <https://doi.org/10.1093/bjsw/bcv130>

- Clegg, J. M., & Legare, C. H. (2016). Instrumental and conventional interpretations of behavior are associated with distinct outcomes in early childhood. *Child Development*, *87*, 527–542
- Gopnik, A., & Wellman, H. M. (2012). Reconstructing constructivism: Causal models, Bayesian learning mechanisms, and the theory theory. *Psychological Bulletin*, *138*, 1085–1108. <http://dx.doi.org/10.1037/a0028044>
- Harris, P. L., & Koenig, M. A. (2006). Trust in testimony: How children learn about science and religion. *Child Development*, *77*, 505–524.
- Kenward, B. (2012). Over-imitating preschoolers believe unnecessary actions are normative and enforce their performance by a third party. *Journal of Experimental Child Psychology*, *112*, 195–207. <http://dx.doi.org/10.1016/j.jecp.2012.02.006>.
- Leblond, D. (2019). Visual pragmatics of intertextuality: Ghosts from wonderland in Jeanette Winterson's *Gut Symmetries* (1997). *Textual Practice*. <https://doi.org/10.1080/0950236X.2019.1580212>
- Leinonen, E., Letts, C., & Smith, B. R. (2000). *Children's Pragmatic communication difficulties*. Whurr Publishers.
- Levine, S. C., Ratliff, K. R., Huttenlocher, J., & Cannon, J. (2011). Early PuzzlePlay: A predictor of preschoolers' spatial transformation skill. *Developmental Psychology*. Advance online publication. <https://doi.org/doi:10.1037/a0025913>
- Mak, B. (2011). *How the page matters*. U of Toronto P.
- Paradise, R., & Rogoff, B. (2009). Side by side: Learning by observing and pitching in. *Ethos*, *37*, 102–138. <http://dx.doi.org/10.1111/j.1548-1352.2009.01033.x>
- Peterson, C., & Bell, M. (1996). Children's memory for traumatic injury. *Child Development*, *67*, 3045-3070.
- Ronfard, S., Bartz, D., Cheng, L., Chen, X., & Harris, P. L. (2017). Children's developing ideas about knowledge and its acquisition. *Advances in Child Development and Behavior*. <http://dx.doi.org/10.1016/bs.acdb.2017.10.005>.
- Sarudin, A., Mohamed Redzwan, H. F., Osman, Z., Raja Ma'amor Shah, R. N. F., & Mohd Ariff Albakri, I. S. (2019). Menangani kekaburan kemahiran prosedur dan terminologi awal Matematik: Pendekatan leksis berdasarkan teori prosodi semantik. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, *16*(2), 255-294.
- Taisin, N. J. (2018). Aktiviti melukis meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, *7*, 19-29. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/909>
- Thirumalaisamy, P. V., & Meyer, C. G. (2020). The COVID-19 epidemic. *Tropical Medicine and International Health*, *25*(3), 278–280. <http://doi:10.1111/tmi.13383>
- Vandermaas, M. O., Hess, T. M., & Baker-Ward, L. (1993). Does anxiety affect children's reports of memory for a stressful event? *Applied Cognitive Psychology*, *7*(2), 109-127. <https://doi.org/10.1002/acp.2350070204>

### **Sumber Buku:**

- Inter-Agency Standing Committee. (2020). *Engkaulah adiwiraku: Bagaimana kanak-kanak boleh melawan COVID-19!* (Feisul Idzwan Mustapha, Penterjemah). Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 3.0 IGO. <https://www.who.int/news-room/detail/09-04-2020-children-s-story-book-released-to-help-children-and-young-people-cope-with-covid-19>